

## BAHAYA FAHAMAN PLURALISME KEPADA AQIDAH

18 Mac 2022 / 15 Sya'ban 1443H

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ  
أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يُضِلِّ فَلَا هَادِيَ لَهُ .

وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ  
وَرَسُولُهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.  
أَمَّا بَعْدُ،

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ وَأُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah Subhanahu wa-Ta'ala dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita diberkati Allah Subhanahu wa-Ta'ala di dunia dan akhirat.

### Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta'ala

Islam adalah agama tunggal yang diakui oleh Allah Subhanahu wa-Ta'ala sebagai agama yang diredai. Firman Allah Subhanahu wa-Ta'ala dalam surah Ali Imran ayat 19:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

إِنَّ الدِّينَ عِنْدَ اللَّهِ الْإِسْلَامُ وَمَا اخْتَلَفَ الَّذِينَ أُوتُوا الْكِتَابَ إِلَّا  
مِنْ بَعْدِ مَا جَاءَهُمُ الْعِلْمُ بَغْيًا بَيْنَهُمْ وَمَنْ يَكْفُرْ بِآيَاتِ اللَّهِ فَإِنَّ

اللَّهُ سَرِيعُ الْحِسَابِ ﴿١٩﴾

**Yang bermaksud:** *Sesungguhnya agama di sisi Allah ialah Islam. Tidaklah berselisih orang yang telah diberi Kitab kecuali setelah mereka memperoleh ilmu, karena kedengkian di antara mereka. Barangsiapa ingkar terhadap ayat-ayat Allah, maka sesungguhnya Allah sangat cepat perhitungannya.*

Oleh itu, adalah penting kepada umat Islam agar menjaga aqidah mereka supaya tidak terpengaruh dan terpedaya dengan pemikiran barat yang cuba memesongkan akidah umat Islam. Mereka menganggap semua agama adalah sama, golongan ini dikenali sebagai gerakan liberalisme dan pluralisme.

Fahaman Pluralisme adalah pemikiran yang menyamakan semua agama adalah benar, penganut agama mana pun adalah sama dan semuanya boleh masuk syurga. Perbezaannya hanya jalannya tetapi matlamat adalah sama iaitu menuju Tuhan.

Pemikiran pluralisme ini ternyata bertentangan dengan akidah Islam kerana Allah Subhanahu wa-Ta'ala hanya meletakkan jalan dan cara hidup yang benar dan diredai di dunia dan akhirat adalah berdasarkan al-Quran dan Hadis. Firman Allah Subhanahu wa-Ta'ala dalam surah al-An'am ayat 153

وَأَنَّ هَذَا صِرَاطِي مُسْتَقِيمًا فَاتَّبِعُوهُ وَلَا تَتَّبِعُوا السُّبُلَ فَتَفَرَّقَ بِكُمْ

عَنْ سَبِيلِهِ ذَٰلِكُمْ وَصَّاكُم بِهِ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ ﴿١٥٣﴾

**Yang bermaksud:** *Dan sungguh, inilah jalan-Ku yang lurus. Maka ikutilah! Jangan kamu ikuti jalan-jalan (yang lain) yang akan mencerai-beraikan kamu dari jalan-Nya. Demikianlah Dia memerintahkan kepadamu agar kamu bertakwa.*

### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta'ala**

Allah Subhanahu wa-Ta'ala hanya mengiktiraf Islam sebagai satu-satunya agama yang diterima disisi-Nya, namun Islam tidak menganjurkan permusuhan dan kebencian terhadap agama lain.

Oleh itu, umat Islam hendaklah menjaga akidah kita supaya tidak terpesong dengan pemikiran golongan pluralisme ini kerana mereka meletakkan agama mereka setaraf dengan agama Islam.

Umat Islam hendaklah menjauhi perkara yang bertentangan dengan syariat Islam yang boleh menyebabkan seseorang itu menjadi murtad seperti memulia dan membersihkan berhala di tempat ibadah orang bukan Islam dengan menyangka ianya tidak bertentangan dengan Islam atas nama Pluralisme agama iaitu semua agama adalah sama. Sebagaimana Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam hadis riwayat Imam Abu Daud:

مَنْ تَشَبَهَ بِقَوْمٍ فَهُوَ مِنْهُمْ

**Maksudnya:** “Barangsiapa yang menyerupai sesuatu kaum, maka dia adalah daripada kalangan mereka.”

**Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta’ala,**

Marilah kita berpegang teguh dengan ajaran Islam kerana hanya Islam sahajalah yang dapat menyelamatkan kita dan keluarga kita di dunia dan akhirat. Janganlah kita mudah terpedaya dengan golongan yang mendakwa sebagai pejuang kebebasan agama dan hak sama rata kemanusiaan sebaliknya mereka membawa fahaman sesat dan menyesatkan yang merosakkan aqidah serta menjatuhkan kemuliaan agama Islam.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَمَنْ يَبْتَغِ غَيْرَ الْإِسْلَامِ دِينًا فَلَنْ يُقْبَلَ مِنْهُ وَهُوَ فِي الْآخِرَةِ مِنَ

الْخَسِرِينَ ﴿١٥﴾

**Yang bermaksud:** Dan barangsiapa mencari agama selain Islam, dia tidak akan diterima, dan di akhirat dia termasuk orang yang rugi.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ  
الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ  
الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ

المُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ  
الْغَفُورُ الرَّحِيمُ .